



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 5 JULAI 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	KETUM AYAM TIDAK SESUAI UNTUK TILAPIA, UM -ONLINE HASIL BUBU 2 MINGGU, LOKAL, HM -23	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
3. 4. 5. 6. 7.	LPNM BANTU PASARKAN 125,000 NANAS MILIK PEKEBUN TERJEJAS JUALAN, BERNAMA -ONLINE AGENCY TO HELP FARMER SELL 125,000 PINEAPPLES, NEWS IN BRIEF, NST -13 ALUMNI UMK TUAI TUJUH TAN NANAS SEMUSIM, NEGERI, SH -35 REZEKI SEMANIS MADU KACA, LOKAL, HM -22 LPNM SETUJU PASARKAN 125,000 NANAS, LOKAL, HM -22	LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA (LPNM)
8. 9.	DULU JURUGAMBAR, KINI PENTERNAK AYAM, DALAM NEGERI, UM -25 JURUGAMBAR BERALIH BIDANG JADI USAHAWAN AYAM KAMPUNG, NEGARA, KOSMO -14	PERTUBUHAN PELADANG KAWASAN (PPK)
10. 11.	PANTAU BEKALAN DURIAN, ELAK HARGA TERLALU TINGGI, NASIONAL, BH -20 PENIAGA BERI PELBAGAI ALASAN JUAL MAHAL, NASIONAL, BH -20	LAIN-LAIN

UKKMAFI

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/7/2021	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	

Ketum ayam tidak sesuai untuk tilapia



PUTRAJAYA: Jabatan Perikanan Malaysia meminta masyarakat khususnya penternak tilapia agar tidak memberikan ketum ayam sebagai bahan makanan untuk ikan berkenaan.

Menerusi hantaran dalam akaun sosial Facebooknya, agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan itu memaklumkan, khasiat daripada tumbuhan ini juga tidak sesuai untuk ternakan berkenaan.

“Kandungan protein dalam ketum ayam didapati hanya ada 18 peratus manakala keperluan protein ideal bagi ternakan tilapia pula adalah lebih tinggi iaitu sekitar 28 peratus,” kata jabatan itu.

Begitu juga ujarinya, kandungan serat yang amat tinggi terkandung dalam tumbuhan itu sekitar 16 peratus iaitu melebihi had boleh diterima ikan secara kelaziman hanya tujuh peratus.

Secara umum, tambah jabatan itu, ikan jenis omnivor atau boleh memakan haiwan dan tumbuhan secara serentak seperti tilapia merupakan organisma monogastrik kerana ada satu perut.

Justeru, ikan berkenaan sebenarnya dianggap sebagai tidak efisien menghadam serat yang tinggi selaras apa disarankan Pertubuhan Makanan dan Pertanian Bangsa Bersatu (FAO).

Dianggarkan Malaysia menghasilkan lebih 32,000 tan tilapia merah bernilai sekitar RM333 juta serta hampir 4,000 tan tilapia hitam bernilai lebih RM29 juta pada sepanjang tahun lepas.

Ketum ayam atau nama saintifiknya, *Trichanthera gigantea*, merupakan pokok pelbagai fungsi dan tumbuh semula jadi di rantau Amerika Selatan dalam suasana ekosistem iklim tropika.

Pohon ini kemudian banyak ditanam di kawasan hutan Filipina, Kemboja dan Vietnam kerana kesesuaian suhu dengan boleh mencapai ketinggian maksimum yang mencecah 15 meter.

Daunnya yang bersaiz panjang 26 sentimeter dan lebar 14 sentimeter pada kebiasaannya dijadikan bahan tanaman makanan untuk ternakan babi, arnab dan juga haiwan ruminan lazim.

Spesies renek itu tiada kena mengena dengan pokok ketum yang disalah guna untuk ketagihan narkotik, sebaliknya ia diberikan nama sedemikian kerana sesuai dijadikan dedak ayam.

Tumbuhan tersebut namun amat popular dalam kalangan penternak ayam di negara ini kerana dianggap makanan alternatif terbaik dan bersesuaian ekoran kandungannya kurang lemak.

Perak muncul satu-satunya negeri di Malaysia yang amat menggalakkan petani untuk menanam pokok ketum ayam secara komersial skala besar dengan satu polibeg boleh dijual RM20. -UTUSAN ONLINE

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/7/2021	HARIAN METRO	LOKAL	23



SPEKOR ikan merah seberat lebih empat kilogram yang didaratkan daripada penggunaan bubu di perairan Port Dickson.



NELAYAN melepaskan bubu ke dalam laut di lokasi yang sudah ditetapkan dan berpotensi menjadi laluan ikan mengikut Navigator Global Positioning System (GPS) di perairan pantai Port Dickson.



DUA nelayan menaiki bot ke dalam bot.




HASIL tangkapan dibawa ke jeli untuk diambil secara serentak dibawa ke pasar awam di sekitar Port Dickson.



NELAYAN pulang ke jeli selepas lebih 10 jam di laut.

TEKONG yang hanya ingin dikenali sebagai Pak Ali (kanan) bersama awak-awak Muhammad Asyraf Abd Ghani (kiri) dan Muhammad Iskandar Firdaus Awalludin bersedia melakukan kerja melepaskan bubu ke dalam laut di perairan Port Dickson. Aktiviti pendaratan ikan boleh mencecah 100 hingga 300 kilogram termasuk ikan kerapu, merah, jenahak, yu, kaci, gerut-gerut dan ketam. Mereka menggunakan lebih 40 bubu seberat 30 kilogram setiap satu yang dilepaskan ke dasar laut dan akan ditarik semula ke atas bot dua minggu selepas itu.

HASIL BUBU 2 MINGGU



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/7/2021	BERNAMA	ONLINE	

LPNM bantu pasarkan 125,000 nanas milik pekebun terjejas jualan



JOHOR BAHRU, 3 Julai -- Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) akan membantu memasarkan 125,000 biji nanas milik seorang pekebun yang videonya tular di media sosial baru-baru ini, berhubung dakwaan hasil tanamannya tidak dapat dijual susulan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0. sebelum ini

LPNM menerusi satu kenyataan hari ini memaklumkan agensi itu sudah mengenal pasti pekebun berkenaan dan melawat kebun nanasnya seluas kira-kira enam hektar yang kebanyakannya ditanam dengan variasi Moris dan Josapine di Parit Lapis Maimon, Parit Lubok Darat Semerah dekat Batu Pahat, pada 30 Jun lepas.

"Dijangkakan 125,000 biji nanas sedang dan akan dikeluarkan dari kebun tersebut sepanjang tempoh akhir bulan lepas hingga pertengahan Ogos ini. Buah tidak dapat dijual disebabkan peraih atau pemborong tidak mengambil buah di kebun itu seperti biasa disebabkan kekurangan permintaan di pasaran ketika ini.

Susulan itu, LPNM menawarkan bantuan kepada pekebun itu dengan memasarkan dan membuat pepadanan bersama pihak kilang pengetinan nanas, selain akan berusaha mengenal pasti pihak pemborong yang memerlukan buah nanas ketika ini," menurut kenyataan itu.

Kenyataan itu menyebut LPNM mengambil langkah sewajarnya dalam menangani isu pekebun nanas yang terjejas sepanjang penguatkuasaan Fasa Satu Kawalan Pergerakan dalam Pelan Pemulihan Negara termasuk mengeluarkan surat kebenaran pergerakan bagi memudahkan mereka melaksanakan aktiviti pertanian, pemprosesan dan pemasaran.

"Selain itu, LPNM turut mengadakan kerjasama dengan pihak pengilang, membuat pepadanan bersama pihak peraih dan pemborong serta mempergiatkan kempen promosi makan nanas dalam kalangan masyarakat," menurut kenyataan itu.

LPNM memberitahu bagi pekebun berdaftar dan aktif, agensi itu sentiasa memantau permasalahan dihadapi terutamanya melibatkan pasaran, namun masalah akan timbul apabila pekebun tidak berdaftar dan tidak aktif serta tidak memaklumkan masalah dihadapi mereka kepada LPNM.

Sehubungan itu, LPNM menyeru pekebun nanas seluruh negara yang menghadapi masalah pasaran supaya menyalurkan aduan di pejabat LPNM negeri, melalui e-maklum balas LPNM di www.mpib.gov.my/fms atau melalui Facebook rasmi LPNM bagi membolehkan agensi itu mengambil tindakan segera.

Baru-baru ini, tular satu video di Instagram bertarikh 29 Jun 2021 menunjukkan seorang pekebun yang menjalankan aktiviti penanaman nanas lebih 10 tahun mendakwa tidak berpuas hati dengan pelaksanaan PKP 3.0 sebelum ini yang menyebabkan beliau tidak dapat menjual dan memasarkan hasil tanamannya.

-- BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/7/2021	NST	NEWS IN BRIEF	13

Agency to help farmer sell 125,000 pineapples

JOHOR BARU: The Malaysian Pineapple Industry Board will help market 125,000 pineapples from a farmer, who said on social media that his fruits couldn't be sold due to the Movement Control Order (MCO) 3.0. The agency said it visited the farmer at his pineapple farm in Parit Lapis Maimon, Parit Lubok Darat Semerah, Batu Pahat, on June 30. "The 125,000 pineapples were slated to be brought out of the farm from the end of last month until the middle of August. The wholesaler did not take the fruits due to a drop in demand during the MCO. The agency offered assistance to the farmer by marketing and matching him up with pineapple canning factories, besides identifying wholesalers who needed pineapples at the moment."

Alumni UMK tuai tujuh tan nanas semusim

KUALA KRAI - Percubaan secara suka-suka menanam nanas di ladang seluas empat hektar akhirnya membuahkan hasil lumayan buat seorang pemuda dari Kampung Chuchuh Puteri, di sini.

Alumni Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dari Fakulti Agro Industri dan Sumber Asli, Wan Lokman Wan Haron, 33, memberitahu, selepas tiga tahun berpanas dan bermain lumpur, akhirnya ladang nanas yang diusahakan mampu menghasilkan sekitar tujuh tan nanas semusim.

"Ia dijual pada harga borong tempatan iaitu RM2.50 sekilogram untuk nanas madu kaca manakala nanas varieti MD2 pula dijual pada harga RM4 sekilogram.

"Bagi jualan secara runcit pula, harga sekilogram nanas madu kaca sekitar RM3.50 hingga RM5 dan nanas MD2 mencecah harga RM5 hingga RM8 bergantung kepada pasaran semasa," katanya ketika dihubungi pada Ahad.

Menurutnya, nanas MD2 antara yang menjadi rebutan dan mendapat per-



Wan Lokman sentiasa komited dalam apa sahaja usaha yang dilakukan untuk memajukan pertaniannya.

mintaan tinggi kerana rasanya yang manis, lebih berjus dan serjat yang bagus untuk kesihatan.

Beliau bersyukur, sejak mengusahakan tanah pertanian terbiar dengan tanaman nanas pada tahun 2018, usaha gigihnya mendapat sokongan padu daripada keluarga.

Malah, dengan modal sekitar RM30,000 melalui wang simpanan keluarga, pemuda tersebut memulakan projek tanaman nanas tanpa memohon bantuan daripada mana-mana agensi kerajaan.

"Saya mengusahakan tanaman secara berperingkat

dengan permulaan modal kecil dan memperoleh anak benih nanas yang dibeli di pasaran.

"Saya guna pengalaman dan ilmu di UMK untuk bantu saya menjadikan bidang pertanian sebagai perniagaan.

"Selain itu, saya juga mementingkan hasil pengeluaran tanaman yang berkualiti bagi menjamin pelanggan atau pemborong sentiasa berpuas hati," katanya.

Beliau turut menaruh harapan tinggi untuk menjadikan kawasan Kampung Chuchuh Puteri antara lokasi pengeluaran nanas premium di Kuala Krai.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/7/2021	HARIAN METRO	LOKAL	22

Oleh Nor Fazlina Abdul Rahim
nfazlina@nstp.com.my

Kata Baharu

Pada awalnya Wan Lokman Wan Haron hanya mahu mencuba nasib dengan mengusahakan tanaman nanas namun akhirnya ia membuahkan hasil selain mampu menjana pendapatan sehingga lima angka semusim.

Pemuda berusia 33 tahun itu mengusahakan tanaman di tanah seluas empat hektar di Kampung Chuchuh Puteri, Kuala Krai sejak tiga tahun lalu.

Wan Lokman yang juga alumni pertama Universiti Malaysia Kelantan (UMK) berjaya membuktikan bidang agro tani mampu memberi pulangan lumayan sekiranya diusahakan secara serius dan komited.

"Selepas tiga tahun berpanas dan bermain lumpur, saya tidak sangka tanaman saya mampu menghasilkan sekitar tujuh tan buah nanas semusim.

"Ia dijual dengan harga borong di pasaran tempatan iaitu RM2.50 sekilogram bagi nanas madu kaca manakala nanas varieti MD2 pula dijual pada harga RM4 sekilogram.

"Untuk jualan secara runcit harga sekilogram nanas madu kaca pula dijual sekitar RM3.50 hingga RM5 dan nanas MD2 berharga antara RM5 hingga RM6 bagi sekilogram bergantung kepada pasaran semasa," katanya ketika dihubungi.

Katanya, nanas MD2 antara yang menjadi rebutan dan mendapat permintaan tinggi kerana rasanya yang manis, lebih berjis dan serit bagus untuk kesihatan.

"Madu kaca juga tidak kurang hebatnya dengan rasa yang manis dan mendapat sambutan yang menggalakkan," katanya.

Rezeki semanis madu kaca



WAN Lokman bergaya mengusahakan nanas jenis madu kaca dan MD2 dengan mampu menghasilkan tujuh tan buah berkenaan untuk semusim.

Pemuda tak sangka tanaman nanas beri pendapatan sehingga lima angka semusim

Wan Lokman berkata, dia mengusahakan tanaman nanas sejak 2018 selepas mendapat galakan dan sokongan daripada keluarga terutama bapanya yang sentiasa memberi semangat dan motivasi untuk mengusahakan nanas di kawasan tanah pertanian yang terbiar.

Katanya, dengan modal sekitar RM30,000 yang diperolehi daripada wang simpanan keluarga, dia memulakan projek tanaman nanas tanpa memohon bantuan dari mana-mana agensi kerajaan.

Katanya, dia mengusahakan tanaman secara berperingkat dengan permulaan modal yang kecil dan mem-

beli anak benih nanas dari pasaran.

"Pengalaman ketika menuntut di UMK banyak membantu untuk menjadikan bidang pertanian sebagai perniagaan.

"Ketika di universiti, pensyarah sentiasa berpesan bahawa untuk menjadi usahawan yang berjaya perlu sentiasa mementingkan produk berkualiti.

"Justeru, saya amat mementingkan hasil pengeluaran tanaman yang berkualiti bagi menjamin pelanggan atau pemborong sentiasa berpuas hati," katanya.

Katanya, pada awalnya, terdapat banyak cabaran

yang terpaksa ditempuhi dan sememangnya tidak mudah untuk sampai ke tahap ini.

"Alhamdulillah, tanpa dorongan dan semangat daripada kedua ibu bapa dan keluarga, saya tidak akan sampai ke tahap ini.

"Saya juga merancang untuk mempelbagaikan lagi hasil pertanian pada masa hadapan dengan mengusahakan kebun buah durian, sayur-sayuran dan beberapa lagi hasil tanaman yang lain.

"Saya turut menaruh harapan tinggi untuk menjadikan kawasan Kampung Chuchuh Puteri antara lokasi pengeluaran nanas premium di Kuala Krai sekiranya kawasan ini terus dimajukan dengan tanaman nanas secara komersial," katanya.

"Saya amat mementingkan hasil pengeluaran tanaman yang berkualiti"
Wan Lokman



WAN Lokman menunjukkan nanas yang ditanamnya.

Johor Bahru

Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) akan membantu memasarkan 125,000 biji nanas milik seorang pekebun yang videonya tular di media sosial baru-baru ini, berhubung dakwaan hasil tanamannya tidak dapat dijual susulan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 sebelum ini.

LPNM menerusi satu kenyataan kemas kini memaklumkan agensi itu sudah mengenal pasti pekebun berkenaan dan melawat kebun nanasnya seluas kira-kira enam hektar yang kebanyakannya ditanam dengan variasi Moris dan

LPNM setuju pasarkan 125,000 nanas

Josapine di Parit Lapis Maimon, Parit Lubok Darat Semerah dekat Batu Pabat pada 30 Jun lepas.

"Dijangkakan 125,000 biji nanas sedang dan akan dikeluarkan dari kebun tersebut sepanjang tempoh akhir bulan lepas hingga pertengahan Ogos ini. Buah tidak dapat dijual disebabkan peralihan atau pemborong tidak mengambil buah di kebun itu seperti biasa disebabkan kekurangan permintaan di pasaran ketika ini.

"Susulan itu, LPNM menawarkan bantuan kepada

pekebun itu dengan memasarkan dan membuat pemedanaan bersama pihak kilang pengtinan nanas selain akan berusaha mengenal pasti pihak pemborong yang memerlukan buah nanas ketika ini," menurut kenyataan itu.

Kenyataan itu menyebut LPNM mengambil langkah sewajarnya dalam menangani isu pekebun nanas yang terjejas sepanjang penguatkuasaan Fasa Satu

Kawalan Pergerakan dalam Pelan Pemulihan Negara termasuk mengeluarkan surat kebenaran pergerakan bagi memudahkan mereka melaksanakan aktiviti pertanian, pemrosesan dan pemasaran.

"Selain itu, LPNM turut mengadakan kerjasama dengan pihak pengilang, membuat pemedanaan bersama pihak peraih dan pemborong serta mempergiatkan kempen promosi

malas nanas dalam kalangan masyarakat," menurut kenyataan itu.

LPNM memberitahu bagi pekebun berdaftar dan aktif, agensi itu sentiasa memantau permasalahan dihadapi terutamanya melibatkan pasaran, namun masalah akan timbul apabila pekebun tidak berdaftar dan tidak aktif serta tidak memaklumkan masalah dihadapi mereka kepada LPNM.

Sehubungan itu, LPNM menyeru pekebun nanas seluruh negara yang menghadapi masalah pasaran

supaya menyalurkan aduan di pejabat LPNM negeri, melalui e-maklum balas LPNM di www.mpib.gov.my/fms atau melalui Facebook rasmi LPNM bagi membolehkan agensi itu mengambil tindakan segera.

Baru-baru ini, tular satu video di Instagram bertarikh 29 Jun 2021 menunjukkan seorang pekebun yang menjalankan aktiviti penanaman nanas lebih 10 tahun mendakwa tidak berpuas hati dengan pelaksanaan PKP 3.0 sebelum ini yang menyebabkan beliau tidak dapat menjual dan memasarkan hasil tanamannya.

Bantu pasar 125,000 biji nanas milik seorang pekebun yang videonya tular

5/7/2021

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

25

Dulu jurugambar, kini penternak ayam

KOTA TINGGI: Atas faktor desakan hidup, seorang jurugambar yang juga pemilik studio fotografi di Bandar Penawar di sini nekad beralih kepada bidang ternakan ayam kampung demi kelangsungan hidup.

Amirul Fikri Azman, 29, berkata, kini syarikat fotografi yang diusahakannya dengan memiliki empat pekerja hanya mampu bertahan dengan Program Subsidi Upah (PSU).

Katanya, perniagaannya mula merudum sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pertama dilaksanakan Mac tahun lalu dan kini sejak PKP 3.0 ia lebih kritikal.

“Studio saya beroperasi selama enam tahun. Kami sekarang hanya bertahan dan tidak mampu untuk menaik selagi sektor sosial tidak dibuka. Jangkaan untuk tempoh empat bulan lagi pun belum tentu kami boleh beroperasi.

“Sebab itu saya bertukar bidang kerana ada keluarga yang

perlu diberi makan. Syukur bermula dengan 1,000 ekor ayam kampung ia mendapat sambutan baik,” katanya di sini semalam.

Bapa kepada seorang anak itu berkata, ternakan ayam kampung itu diusahakan di Felda Air Tawar 4 di tanah seluas 0.2 hektar untuk dijadikan produk sejuk beku.

Katanya, kebanyakan ayam kampung itu dijual melalui ejen dan juga dipasarkan dengan bantuan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Pengerang.

Jelasnya, dengan bermodalkan RM3,000, dia hanya dapat melihat masa depannya melalui ternakan ayam kampung tersebut.

“Ternakan ayam ini memang sudah lama saya minat, tetapi semasa terlibat sepenuh masa dalam bidang fotografi saya tidak nampak sangat,” katanya.

Orang ramai yang mahu membeli produk ayam kampung sejuk beku boleh hubungi Amirul Fikri di talian 019-7184357.



AMIRUL Fikri Azman yang dahulunya jurugambar dan pemilik studio fotografi kini menjadi penternak ayam kampung demi kelangsungan hidup di Felda Air Tawar 4, Kota Tinggi di Johor. - UTUSAN/MASTURAH SURADI

Jurugambar beralih bidang jadi usahawan ayam kampung

KOTA TINGGI – Desakan hidup selain sukar memperoleh tawaran menyebabkan seorang jurugambar yang juga pemilik studio fotografi di Bandar Penawar di sini nekad beralih bidang dengan memilih untuk mengusahakan ternakan ayam kampung.

Amirul Fikri Azman, 29, berkata, syarikat fotografinya yang sebelum ini mempunyai seramai empat pekerja hanya mampu bertahan dengan program subsidi gaji.

Katanya, perniagaannya mula merundum sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) tahun lalu dan semakin teruk selepas sektor berkenaan tidak dibenarkan beroperasi sehingga kini.

“Studio saya telah beroperasi selama enam tahun. Kami sekarang hanya bertahan dan tidak mampu untuk mencari pendapatan selagi sektor sosial tidak dibuka.

“Sebab itu saya terpaksa bertukar bidang kepada ternakan ayam kampung kerana ada keluarga yang perlu diberi makan. Bermula dengan 1,000 ekor ayam kampung, usaha saya kini telah membuahkan hasil,” katanya ketika ditemui di sini baru-baru ini.

Bapa kepada seorang anak itu berkata, ternakan ayam kampung itu diusahakan di Felda Air Tawar 4 di tanah seluas 0.2 hektar itu adalah untuk dijadikan



AMIRUL menunjukkan produk sejuk beku ayam kampung yang dijual dan diusahakan di Felda Air Tawar 4, Kota Tinggi baru-baru ini.

produk sejuk beku.

Katanya, kebanyakan ayam kampungnya dijual melalui ejen selain dipasarkan dengan bantuan pihak Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Pengerang dan pelanggan juga boleh datang membeli secara tunai.

Jelasnya, bermodalkan sebanyak RM3,000, Amirul mengakui

masa depannya melalui ternakan ayam kampung boleh dikembangkan ketika ini.

“Bila sudah keluarkan produk sendiri, saya tambah baik dari segi penjenamaan dan pembungkusan untuk memastikan ayam kampung sejuk beku boleh dijual di pasaran pada harga yang berpatutan,” ujarnya.

Pantau bekalan durian, elak harga terlalu tinggi

Elak pemborong, orang tengah, ambil kesempatan permintaan tinggi

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi, Nor Fazlina Abdul Rahim, Mohd Amin Jalil, Noor Atiqah Sulaiman dan Zuliaty Zulkiffli bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kementerian dan agensi yang bertanggungjawab digesa memantau kestabilan pengeluaran dan pembekalan durian di pasaran tempatan bagi memastikan harga hasil kebun itu tidak naik keterlaluan.

Timbalan Presiden Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), Mohd Yusof Abdul Rahman, berkata langkah itu perlu bagi mengelak pemborong atau orang tengah menentu-

kan harga sesuka hati, mengambil kesempatan permintaan tinggi terhadap 'raja buah' itu ketika ini.

"Permintaan tinggi tidak seharusnya digunakan sebagai alasan untuk menaikkan harga sehingga membebankan pengguna. Kita tahu, harga durian akan turun apabila musim puncak dan pada awal musim, kebiasaannya harga tinggi disebabkan pengeluaran terhad.

"Oleh kerana bekalan durian ini mengikut musim, perlu ada keseimbangan dari harga ketika awal musim dan puncaknya." Katanya menambah, kawalan harga sukar dibuat kerana durian bukan barang keperluan dan pemasarannya tertakluk pada musim, bukan semata-mata permintaan dan penawaran.

"Saya rasa isu harga tidak perlu sampai KPDNHEP (Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna) laksana kawalan harga kerana pengeluaran durian adalah mengikut musim.

"Bagaimanapun, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) mungkin boleh bantu dari segi memperluaskan bekalan di semua tempat, tidak kira di kawasan penjaja atau pasar raya. Jadi, harganya akan terkawal, malah boleh turun lagi," katanya.

Bellau berkata, setakat ini, harga durian di pasaran ditentukan jenis buah dengan 'Musang King' dan 'duri hitam' dijual mahal berikutan bekalan yang sangat terhad dan tidak semua negeri mempunyai ladang durian jenis berkenaan.

"Berbeza dengan durian kampung atau lain-lain yang dilihat harganya masih mampu beli dan boleh diperolehi di banyak tempat serta gerai di tepi jalan. Saya percaya apabila tiba kemuncak musimnya nanti, harga akan jatuh," katanya.

Minggu lalu, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) FAMA, Mohamad Mustahapa Awang, dilaporkan berkata, ketika ini harga runcit purata durian 'duri hitam'

adalah RM36 sekilogram, diikuti durian 'Musang King', RM61.65 sekilogram.

Sehingga Jun lalu, katanya, durian 'udang merah' berada di tempat ketiga dengan harga purata RM40.60 sekilogram, diikuti 'TOI' (RM33.95), 'D24' (RM32.80) dan durian kampung, RM17.60 sekilogram.

Di Putrajaya, pengguna, Azlimi Ayub @ Abdullah, 40, berkata disebabkan harga durian yang mahal, dia terpaksa meninjau beberapa tempat terlebih dahulu sebelum membelinya jika harga yang ditetapkan lebih murah.

"Disebabkan durian tiada harga tetap, terpaksa tengok dulu di beberapa tempat, murah baru beli. Paling murah pun durian kampung, antara RM10 hingga RM18 sekilogram. Durian gred lebih tinggi seperti 'Musang King', 'udang merah' atau 'D24', paling murah pun RM30 hingga RM60.

"Jadi, kena fikir banyak kali sebelum beli. Jika harganya terlampau tinggi, terutama ketika mu-

"Kita tahu, harga durian akan turun apabila musim puncak dan pada awal musim, kebiasaannya harga tinggi disebabkan pengeluaran terhad"

Mohd Yusof Abdul Rahman, Timbalan Presiden Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia



sim pandemik ini, duit yang ada itu lebih baik beli barang dapur," katanya kepada BH.

Selain itu, Ahmad Kamal Abdul Jalil, 55, berkata ada peniaga memaklumkan harga durian yang diambil pemborong sudah mahal sebelum dijual kepada pembeli.

Di Seremban, pekerja kilang, Mohd Rosli Che Ghani, 38, berkata harga durian dijual di sekitar tempat tinggalnya di Senawang ketika ini munasabah dan tidak tinggi seperti dilaporkan di sesetengah tempat lain.

"Saya sudah lima kali beli durian daripada beberapa penjual berbeza dan mendapati harga ditetapkan tidak membebankan," katanya.

Peniaga beri pelbagai alasan jual mahal

Kuala Lumpur: Pengeluaran terhad, sekatan pergerakan rentas negeri dan daerah serta kos pengangkutan, menjadi alasan sesetengah peniaga durian menjual jenis tertentu 'raja buah' itu pada harga yang dianggap terlampau tinggi.

Tinjauan BH di beberapa lokasi menjual durian di Putrajaya semalam, mendapati durian kampung dan durian 'kahwin' dijual antara RM10 hingga RM18 sekilogram (kg), manakala durian kategori premium seperti 'Musang King', 'duri hitam', 'udang merah' atau 'D24' boleh memecah RM30 sekilogram.

Rata-rata peniaga yang ditanya punca harga sesetengah durian terlampau tinggi, memberi alasan penetapan harga itu dipengaruhi larangan pergerakan rentas daerah dan negeri yang menyebabkan bekalan kurang.

Di Kota Bharu, peniaga mendakwa harga durian mahal disebabkan kos pengangkutan kerana bekalan diambil dari negeri lain termasuk Johor dan Negeri Sembilan.

Mereka mendakwa, tiada masalah dari segi perolehan bekalan kerana Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) mengeluarkan surat bagi membolehkan pemborong melakukan pergerakan rentas negeri untuk tujuan berkenaan.

Peniaga, Mohd Nazri Hus-



Harga durian kategori premium dijual dengan harga agak tinggi.

(Foto Rohanis Shuki/BH)

sin, 41, berkata dia menjual buah berkenaan pada harga serendah RM14 hingga RM55 sekilogram bergantung pada jenis dengan durian kampung pada RM14 1kg, manakala 'Musang King' RM55 sekilogram.

"Harga sama seperti tahun sebelum ini kerana bekalan diambil dari negeri lain. Kos pengangkutan sudah memecah ribuan ringgit. Contohnya, saya ambil bekalan setiap hari dari Johor," katanya.

Peniaga, Shahmiazani Mohd Tanazi, 28, yang menjual durian

di Kampung Semat Jal, berkata harga jualannya berbeza mengikut jenis buah, dari serendah RM10 hingga RM45 bergantung kepada kualiti dengan bekalan diperolehi dari Negeri Sembilan dan Johor.

Di Seremban, Faidza Syakira Zainal Abidin, 38, dari Senawang, berkata dia menjual durian kampung pada harga munasabah antara RM6 hingga RM10 1kg, termasuk durian longkok.

"Saya mula jual sebakul musim durian bermula pertengahan bulan lalu selepas perniagaan ma-



Faidza dan Che Nasrullah Che Awang menjual durian pada harga munasabah di gerai mereka di Senawang.

(Foto Mohd Amin Jalil/BH)

kanan terjejas akibat pandemik COVID-19. Saya gunakan masa lapang ini untuk menjual durian dengan bekalan diperolehi dari Jelebu," katanya.

Di Jitra, peniaga durian di Gerai Buah-Buahan Segar (GBBS) Kepala Batas, masih mampu meraih keuntungan walaupun menjual raja buah itu pada harga rendah dan secara longkok.

Muhammad Azizi Azizan, 29, berkata dia menjual durian secara longkok bagi memenuhi permintaan pelanggan yang mahu menikmati pada harga berpatutan dan mam-

pu milik bagi golongan berpendapatan sederhana.

"Sebelum ini ada jual ikut kilogram, tapi sambutan agak kurang menyebabkan harga terpaksa diturunkan bagi membolehkan semua orang menikmati buah itu. Harga durian longkok kini antara RM10 hingga RM30 mengikut kuantiti serta kualiti dan memang mendapat sambutan pelanggan.

"Saya jangka harga durian kampung akan terus turun minggu depan kerana hari ini harga sudah turun kepada RM12 sekilogram," katanya.